

**KEMPEN HLB RAYA 2021 AKAUN JUNIOR 3 DALAM1 /AKAUN JUNIOR-I 3 DALAM1**

*Dikemaskini pada 22 April 2021*

**TEMPOH KEMPEN**

“**Kempen HLB Raya 2021 Akaun Junior 3 dalam 1/Akaun Junior-i 3 dalam 1**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (kemudian daripada ini secara kolektif disebut “**Bank**”) bermula pada 5 Mei 2021 dan berakhir pada 30 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Kempen (“**T&S**”) adalah seperti berikut:

**KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama baharu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“**Pelanggan**”) bagi Akaun-akaun Sertaan berikut (“**Akaun Sertaan**”):
  - (a) Akaun Junior 3 dalam 1; dan
  - (b) Akaun Junior-i 3 dalam 1
2. Bagi mengelakkan keraguan:
  - (a) Oleh kerana Akaun Sertaan adalah akaun amanah, “**Pemegang Akaun Utama**” bermaksud pemegang amanah yang merupakan ibu bapa atau penjaga sah benefisiari (contoh: kanak-kanak); dan
  - (b) “**Pemegang Akaun Utama Baharu**” bermaksud pelanggan individu yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaan dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan bankrap (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen.

## PROMOSI A – EKSKLUSIF HLB CONNECT

### KAEDAH KEMPEN

- Promosi A terbuka kepada Pelanggan yang telah memohon Akaun Sertaan dalam talian melalui HLB Connect Online Banking (<https://s.hongleongconnect.my>) (“**HLB Connect**”) semasa Tempoh Kempen.
- Ganjaran Promosi A** seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

Kategori	Ganjaran Promosi A	Butir-butir	Bil. Pemenang	Had
<b>(A) Ganjaran Daftar</b>	Ganjaran A (i)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pulangan Tunai RM100</li> <li>Pulangan Tunai RM50</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>100 Pertama</li> <li>2,500 Berikutnya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM 10,000</li> <li>RM 125,000</li> </ul>
	Ganjaran A (ii)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pulangan Tunai RM15</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2,400</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM 36,000</li> </ul>
<b>(B) Ganjaran Peraduan</b>	Ganjaran B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Set Sekolah Rumah (bernilai RM5,000)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>TIADA</li> </ul>

### (A) Ganjaran Daftar

- Untuk menyertai Promosi A dan untuk melayakkan diri menerima Ganjaran Daftar berkenaan (iaitu Ganjaran A(i) atau Ganjaran A (ii)), Pelanggan **MESTILAH** memenuhi Kriteria Kelayakan berikut seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak Promosi A**”):

**Jadual 2**

Ganjaran Daftar	Kriteria Kelayakan
Ganjaran A (i)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuka Akaun Sertaan baharu melalui HLB Connect *; dan</li> <li>Mendaftar dan log masuk HLB Pocket Connect App (“<b>Pocket App</b>”)**</li> </ul>
Ganjaran A (ii)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuka Akaun Sertaan baharu melalui HLB Connect tanpa mendaftar Pocket App</li> </ul>

\* Hanya terdapat satu (1) Akaun Sertaan bagi benefisiari dan benefisiari itu tidak boleh memegang mana-mana Akaun Sertaan sebagai pemegang akaun utama sebelum Tempoh Kempen.

\*\*Benefisiari Akaun Sertaan mestilah berumur tujuh (7) tahun dan bawah lapan belas (18) tahun, memiliki MyKid atau MyKad yang sah, untuk mendaftar bagi Pocket App.

- Jumlah pulangan tunai bagi Ganjaran Daftar yang diuntukkan oleh Bank di bawah Promosi A ini dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu (RM171,000)** sahaja sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja had yang ditetapkan iu tercapai tiada lagi Ganjaran Daftar akan diberi.
- Ganjaran Daftar dihadkan setakat **lima ribu (5,000) pertama** Pelanggan Layak Promosi A, dihadkan **satu (1)** kali Ganjaran Daftar bagi setiap Pelanggan Layak Promosi A tanpa mengira bilangan Akaun

Sertaan yang dibuka sepanjang Tempoh Kempen, iaitu Ganjaran Daftar dihadkan maksimum satu (1) kali sahaja bagi setiap Akaun Sertaan.

9. Ganjaran Daftar akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan selewat-lewatnya 31 Ogos 2021. Pengkreditan Ganjaran Daftar akan ditunjukkan dalam e-penyata bulanan Akaun Sertaan dan Pelanggan Layak Promosi A juga akan diberitahu melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) selewat-lewatnya 31 Ogos 2021 setelah Ganjaran Daftar dikreditkan.
10. Jika Pelanggan Layak Promosi A tidak menerima sebarang pemberitahuan daripada Bank sebelum 31 Ogos 2021, maka Pelanggan Layak Promosi A itu dianggap TIDAK layak menerima Ganjaran Daftar tersebut.
11. Sekiranya Ganjaran Daftar tidak diterima setelah Pelanggan Layak Promosi A diberitahu oleh Bank menurut Fasal 9 di atas, Pelanggan Layak Promosi A adalah bertanggungjawab memberitahu Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari 31 Ogos 2021, jika tidak Ganjaran Daftar itu dianggap telah diterima oleh Pelanggan Layak Promosi A dan Bank tidak akan melayani sebarang rayuan bahawa Pelanggan Layak Promosi A tidak menerima Ganjaran Daftar selepas luputnya tempoh tiga puluh (30) hari seperti disebut tadi.

#### **(B) Ganjaran Peraduan**

12. Semua Pelanggan Layak Promosi A secara automatik akan berhak mendapat satu (1) penyertaan untuk memenangi Ganjaran Peraduan. Seramai sepuluh (10) Pelanggan Layak Promosi A (“**Pelanggan Layak Promosi A Disaring**”) akan disaring secara rambang oleh Bank daripada senarai jumlah penyertaan layak yang diperolehi sepanjang Tempoh Kempen.
13. Pelanggan Layak Promosi A Disaring akan dihubungi Bank melalui SMS dan diberi soalan berkaitan dengan Bank. Pelanggan Layak Promosi Disaring dikehendaki menjawab SMS itu dengan memberi jawapan yang betul dalam masa terpantas, dan penjawab terpantas dengan jawapan yang betul (dalam rangka masa yang disebut dalam SMS) akan berhak menerima Ganjaran Peraduan.
14. Pelanggan Layak Promosi A Disaring hendaklah menanggung caj telekomunikasi standard yang dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar kepada Bank.
15. Jika berlaku seri, yakni apabila terdapat lebih daripada seorang (1) Pelanggan Layak Promosi A Disaring yang telah menjawab dengan betul pada masa yang sama dan sepatutnya menjadi pemenang jika tidak kerana seri itu, maka Pelanggan Layak Promosi A Disaring yang mempunyai baki akaun tertinggi pada masa pemilihan pemenang akan menjadi pemenang (“**Pemenang Ganjaran Peraduan**”). Hanya ada satu (1) Pemenang Hadiah Peraduan untuk Peraduan di bawah Promosi A.
16. Pengumuman Pemenang Ganjaran Peraduan (yakni, nama dan nombor terlindung MyKad/pasport (“ID”) akan disiarkan dalam Laman Web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“**Laman Web Bank**”) sebelum 31 Ogos 2021. Bank akan mengeluarkan surat e-pemberitahuan melalui emel kepada Pemenang Ganjaran Peraduan dalam masa tiga puluh (30) hari dari 1 Ogos 2021 untuk mengambil Ganjaran Peraduan daripada cawangan-cawangan lantikan Bank di seluruh Malaysia. Pemenang Ganjaran Peraduan mestilah mengambil Ganjaran Peraduan dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh menerima surat e-pemberitahuan, jika tidak, Ganjaran

Peraduan itu akan dilupuskan dan sebarang permintaan untuk mendapat bayaran ganti bagi Ganjaran Peraduan tidak akan dilayani oleh Bank.

17. Bagi mengelakkan keraguan:

- (a) Setiap Akaun Sertaan dianggap suatu entiti bebas. Borang penyertaan tambahan atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan bagi Promosi A ini. Bank akan menjejaki Pelanggan Layak Promosi A secara automatik setamatnya Tempoh Kempen;
- (b) Akaun Sertaan mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan Baki Akaun Minimum **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** sebelum 30 Jun 2021 untuk memenuhi syarat Ganjaran Daftar. Sekiranya baki Akaun Sertaan kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** sebelum 30 Jun 2021, Pelanggan Layak Promosi A akan terlucut kelayakan menerima Ganjaran Daftar;
- (c) Setiap Pelanggan Layak Promosi A hanya berhak menerima maksimum satu (1) Ganjaran Daftar dan satu (1) Ganjaran Peraduan di bawah Promosi A sepanjang Tempoh Kempen; dan
- (d) SMS yang dihantar kepada Pelanggan Layak Promosi A akan berdasarkan nombor telefon bimbit yang terkini sebagaimana terakam dan terpapar dalam sistem dan/atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS bagi Kempen ini disediakan oleh Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank ("**Infobip**").

18. Pelanggan Layak dikehendaki memberikan maklumat hubungan (yakni nombor telefon/telefon bimbit) mereka yang terkini dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab sekalipun.

#### **PROMOSI B – KADAR PROMOSI JUNIOR FIXED DEPOSIT/JUNIOR FIXED DEPOSIT-i (JFD/JFD-i) ("PROMOSI B")**

##### **KAEDAH KEMPEN**

19. Akaun sertaan Junior Fixed Deposit/Junior Fixed Deposit-i ("**JFD/JFD-i**") ("**Akaun Sertaan JFD/ JFD-i**") bagi Promosi B ini adalah seperti di bawah:
  - (a) Junior Fixed Deposit ("**JFD**"); dan
  - (b) Junior Fixed Deposit-i ("**JFD-i**").
20. Promosi B bermula semasa Tempoh Kempen atau sebaik sahaja tercapai Had Saiz Dana seperti ditakrif di bawah Fasal 26 di bawah ini, mengikut mana yang dahulu ("**Tempoh Promosi JFD/JFD-i**"), melainkan diberitahu sebaliknya.
21. Pelanggan dikehendaki melakukan dan memenuhi syarat berikut dalam masa satu (1) bulan dari pembukaan Akaun Sertaan untuk layak menikmati Kadar Promosi JFD/JFD-i seperti tertera dalam Jadual 3 di bawah:-
  - a) Daftar dan log masuk ke Pocket App
  - b) membuka Akaun Sertaan JFD/JFD-i ; dan
  - c) mendeposit Amaun Letakan JFD/JFD-i yang ditetapkan ke dalam Akaun Sertaan JFD/JFD- i bagi Tempoh JFD/JFD-i di salah satu cawangan Bank.

**Jadual 3**

Akaun Sertaaan JFD/JFD-i	Tempoh JFD/JFD-i	Kadar Promosi JFD/JFD-i <sup>1</sup>	Amaun Letakan JFD/JFD-i
JFD & JFD-i	6 bulan	3.00% setahun	RM5,000
	12 bulan	3.05% setahun	

<sup>1</sup> Jika ada perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Promosi JFD/JFD-i mungkin dipinda.

22. Semua deposit di bawah Kempen ini mestilah “**Dana Baharu**” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “**Dana Baharu**” ditakrif sebagai:
- Wang tunai, Financial Process Exchanges (“**FPX**”), pindahan antara bank yang termasuk IBG, Instant Transfer dan DuitNow, dana baharu yang diterima melalui pindahan bertelegraf daripada bank-bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank-bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Deposit Tetap HLB/ Akaun Deposit Tetap-i HLISB (“**FD/FD-i**”), Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) sedia ada atau baharu Pelanggan; dan
  - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
23. Bagi tujuan Promosi B ini, semua Dana Baharu mestilah diletak dan didepositkan ke dalam Akaun Sertaaan JFD/JFD-i Pelanggan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh terdapatnya Dana Baharu.
24. Yang berikut ini TIDAK dianggap “**Dana Baharu**”:
- FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
  - Pindahan dana Intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun lain CASA/CASA-i, FD/FD-i, Akaun Pelaburan Bertempoh-i atau Akaun Pelaburan Am (“**GIA**”); dan
  - Pindahan antara cawangan di dalam Bank termasuk pindahan pihak ketiga.
25. Bagi tujuan Promosi B ini, Pelanggan yang telah memenuhi kesemua kriteria di bawah Fasal 21 di atas akan disebut “**Pelanggan Layak JFD/JFD-i**”.
26. Had saiz dana bagi Akaun Sertaaan JFD/JFD-i masing-masing adalah seperti tertera dalam Jadual 4 di bawah (“**Had Saiz Dana**”):

**Jadual 4**

Akaun Sertaaan JFD/JFD-i	Had Saiz Dana
JFD 6 bulan	RM28 Juta
FD-I 6 bulan	RM12 Juta
JFD 12 bulan	RM28 Juta
FD-I 12 bulan	RM12 Juta

27. Sekiranya mana-mana Amaun Letakan JFD/JFD-i melebihi Amaun Letakan yang ditetapkan bagi JFD/JFD-i atau jika Had Saiz Dana masing-masing tercapai, maka Amaun Letakan JFD/JFD-i yang melebihi Amaun Letakan Ditetapkan bagi JFD/JFD-i atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar niaga JFD/JFD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.
28. Tiada resit akan dikeluarkan bagi setiap letakan.

29. Faedah/keuntungan yang diperoleh bagi Akaun Sertaaan JFD/JFD-i akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaaan Pelanggan Layak JFD/JFD-i di bawah nama Pelanggan Layak JFD/JFD-i ("**JSA/JSA-i Dinamakan**") pada tarikh matang bagi tempoh enam (6) bulan, dan pada setiap enam (6) bulan bagi tempoh dua belas (12) bulan.
30. Pada tarikh matang, Amaun Letakan pokok JFD/JFD-i akan diperbaharui secara automatik pada pada kadar niaga JFD/JFD-i semasa masing-masing dan faedah/keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaaan Pelanggan Layak JFD/JFD-i pada setiap bulan.
31. Tertakluk kepada Fasal 33 di dalam ini, bagi JFD, pengeluaran separa Amaun Letakan JFD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** sahaja. Akan tetapi, sekiranya amaun dalam JFD kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran separa tidak dibenarkan bagi akaun berkenaan.
32. Tertakluk kepada Fasal 33 di dalam ini, bagi JFD-i, pengeluaran separa Amaun Letakan JFD-i dibenarkan pada amaun minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Akan tetapi, sekiranya amaun dalam JFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**, maka pengeluaran separa tidak dibenarkan bagi akaun berkenaan.
33. Sekiranya Amaun Letakan JFD/JFD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang JFD/JFD-i, sama ada keseluruhan atau sebahagian, maka tiada bayaran faedah/keuntungan akan diberi bagi amaun pengeluaran separa dan pengeluaran pramatang JFD/JFD-i itu.
34. Bank berhak memotong dan mendebit suatu amaun setara dengan bayaran faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak JFD/JFD-i bagi Amaun Letakan JFD/JFD-i yang dikeluarkan pramatang daripada Amaun JFD/JFD-i pokok pada masa pengeluaran.
35. Pelanggan dengan produk-produk JFD-i akan dianggap telah bersetuju mengetepikan haknya untuk menuntut harga jualan penuh bagi pengeluaran JFD-i sebelum tarikh matang.
36. Amaun Letakan JFD/JFD-i TIDAK boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan apa-apa kemudahan kredit yang telah didapati atau akan didapati oleh Pelanggan Layak JFD/JFD-i .
37. Promosi B TIDAK sah bagi apa-apa promosi lain yang berlangsung yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

## UMUM

38. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
  - (a) telah membaca, memahami dan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat tertentu bagi Akaun Sertaaan, JDC/JDC-i dan Pocket App;
  - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
  - (c) Ganjaran Daftar tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
  - (d) mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;

- (e) memberikan butiran hubungan mereka yang terkini dan tepat, yakni nombor telefon bimbit dan alamat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan bagi tujuan Kempen ini, disebabkan Pelanggan memberi nombor telefon bimbit dan/atau alamat yang tidak tepat/tidak sah atau SMS tidak dapat disampaikan atas apa jua sebab sekalipun;
- (f) dipertanggungjawabkan dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen; dan
- (g) memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada Infobip bagi tujuan Kempen ini.

39. Bank berhak:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkan dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank; dan
- (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen ini.

40. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaan dan JDC/JDC-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaan dan JDC/JDC-i maka T&Cs di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

41. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

42. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**Hong Leong 3 dalam 1 Junior Account-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.**

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**